

PM mahu sektor swasta main peranan lebih besar dalam industri berat

BM 19 SEP 1990

SUBANG 18 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam perkembangan industri berat di Malaysia pada masa hadapan.

Katanya, kerajaan akan memberi galakan ke arah matlamat tersebut melalui projek penswastaaan atau usahasama para pelabur asing dengan tempatan.

"Sehingga kini perkembangan industri berat masih dipelopori oleh sektor awam sama ada secara langsung atau melalui usahasama dengan sektor swasta," tegas beliau di majlis menandatangani perjanjian di antara PERWAJA dengan Konsortium MAN GHH-FERROSTAAL di Hotel Hyatt Saujana di sini malam ini.

Beliau berharap selepas ini penglibatan sektor awam dikurangkan pada tahap pengenalan projek dan pewujudan peluang - peluang pelaburan swasta saja.

Menurutnya, langkah kerajaan untuk menceburkan diri dalam industri berat walaupun mendapat kritikan yang pedas dari beberapa pihak, kini sudah menunjukkan kesan yang positif.

Selain dari PERWAJA, kata Perdana Menteri, industri kenderaan, kilang simen, kilang enjin motosikal dan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) sudah menunjukkan kejayaan dan memperoleh keuntungan.

"Langkah kerajaan memasuki industri berat ternyata tepat tetapi masalah yang timbul adalah dari segi pengurusan untuk mengendalikan industri - industri yang melibatkan modal yang besar.

Menurutnya, masa depan PERWAJA bukan saja bergantung kepada adanya loji tetapi yang penting adalah kemahiran pengurusan dan pengendalian loji - loji ke tahap kecekapan yang maksimum.

"Adalah menjadi harapan saya agar semua pihak memberi sokongan kepada PERWAJA kerana ini penting untuk kejayaannya," tegas beliau.

Meskipun, PERWAJA masih muda usianya, kata Perdana Menteri, pencapaiannya sudah hampir kepada tahap kecekapan dunia.

Menurut beliau, hasil daripada keyakinan kuat yang diberikan kepada PERWAJA dan pengurusannya, syarikat tersebut berjaya mendapatkan pinjaman lebih \$800 juta untuk program pembesarnya dari satu konsortium bank-bank tanpa jaminan kerajaan.